



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGLIBATAN PESERTA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BULOH, KELANTAN**

HARIS B. ABD. WAHAB

FEM 1996 1

**PENGLIBATAN PESERTA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BULOH, KELANTAN**

OLEH:

HARIS B. ABD. WAHAB

**Tesis Yang DiKemukakan Untuk Memenuhi Syarat Bagi
Mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia**

1996



**PENGLIBATAN PESERTA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BULOH, KELANTAN**

OLEH:

HARIS B. ABD. WAHAB

**Tesis Yang DiKemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Bagi
Mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia**

SEPTEMBER 1996



Istimewa Buat:

Ayah dan ibu serta keluarga yang telah banyak berkorban untuk kejayaan ini.

Isteri (Siti Khalijah Bt. Abdul Ghani) yang banyak memberi dorongan dan semangat untuk terus berjaya.

Rakan-rakan, terutamanya Zamri, Khalid, Othman dan lain-lain yang turut membantu kejayaan ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat saya sempurnakan kajian ini. Kajian ini pasti tidak berjaya dilaksanakan tanpa penglibatan, sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak tertentu yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan kajian ini.

Terlebih dahulu penghargaan yang tidak terhingga saya kepada Dr. Zahid Emby selaku pengerusi jawatankuasa kepada kajian yang saya jalankan ini. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada Prof. Madya Dr. Halin Abd. Hamid, dan Dr. Ma'rof Redzuan selaku ahli Jawatankuasa penyeliaan, di atas nasihat dan bimbingan yang diberikan untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Halimah Hj. Ahmad, Dekan Fakulti Ekologi Manusia di atas segala galakan dan dorongannya untuk saya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Master. Ucapan kasih juga saya rakamkan kepada Prof. Madya Dr. Jayum Jawan selaku Ketua Jabatan Pengajian Pembangunan Sosial dan semua pensyarah serta kakitangan kerana



sentiasa bermurah hati menghulurkan segala bentuk bantuan dan kemudahan kepada saya di sepanjang tempoh pengajian.

Di antara orang perseorangan lain yang perlu diberi penghargaan ialah Encik Ismail Ibrahim Pengerusi Program PMAK di Kampung Buloh, Encik Ibrahim B. Yaakob Penyelia Mukim di Kampung Buloh, Puan Maznah Bt. Ismail Pengerusi KPW di Kampung Buloh, Encik Azmi pegawai PPK Ulu Kusial yang bertanggungjawab terhadap PMAK di Kampung Buloh, dan kepada Encik Yusuf b. Sarif. Kepada semua mereka saya ucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan semasa pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan.

Akhir sekali, saya dedikasikan tesis ini kepada keluarga tersayang khususnya kepada kedua ibu bapa saya, juga kepada isteri saya Siti Khalijah Bt. Abdul Ghani yang telah banyak berkorban untuk kejayaan saya dalam pengajian.

Sekian terima kasih.



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan Kepada Program Pembangunan Komuniti ... Program Pembangunan Komuniti Di Malaysia	1 2
	Konsep Program PMAK	4
	Objektif Program PMAK	5
	Strategi Pelaksanaan Program PMAK	6
	Permasalahan Kajian	7
	Persoalan-Persoalan Kajian	10
	Objektif Kajian	11
	Kepentingan Kajian	11
	Batasan Kajian	12
	Definisi Istilah	13
	Organisasi Tesis	15
II	SOROTAN LITERATUR	17
	Hasil Kajian Lalu	17
	Kajian Penglibatan Dalam Pembangunan Komuniti	17
	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan	21
	Kerangka Teori dan Konseptual Kajian	37
	Kerangka Teori Kajian	37
	Kerangka Konseptual Kajian	48



III	METODOLOGI KAJIAN	53
	Lokasi Kajian	53
	Responden Kajian	55
	Pengumpulan Data	57
	Definisi Dan Kaedah Pengukuran	
	Angkubah	60
	Angkubah Bersandar	60
	Angkubah Bebas	71
	Penganalisan Data	79
IV	PROFIL KAWASAN KAJIAN, PROGRAM PMAK DAN SOSIO-EKONOMI SERTA DEMOGRAFI PESERTA	80
	Profil Kawasan Kajian	80
	Kedudukan	80
	Kemudahan Infrastruktur	84
	Struktur Kepimpinan Dan Pentadbiran	86
	Profil Program PMAK Di Kampung Buloh	90
	Struktur Organisasi	93
	Profil Sosio-ekonomi dan Demografi Peserta	98
	Umur	98
	Jantina	99
	Status Perkahwinan	99
	Saiz Isirumah	101
	Tahap Pendidikan Formal	101
	Pekerjaan Utama	102
	Pendapatan Responden	105
	Pemilikan dan Keluasan Tanah yang Diusahakan	108
	Kemudahan Yang Dimiliki di Rumah	110
	Keahlian Dalam Organisasi Tempatan	111
	Rumusan	113
V	PENGETAHUAN DAN TANGGAPAN TENTANG PROGRAM PMAK	114
	Pengetahuan Tentang Program PMAK	114
	Pengetahuan Umum Tentang Program PMAK	114

Pengetahuan Tentang Objektif Program PMAK	116
Pengetahuan Tentang Peranan Program PMAK	118
Pengetahuan Tentang Komponen Program PMAK	120
Pengetahuan Tentang Projek Ekonomi Program PMAK	123
Skor Kumulatif Pengetahuan Peserta	125
Sumber Maklumat Tentang Program PMAK	126
Tanggapan Peserta Tentang Program PMAK	128
Tanggapan Terhadap Program PMAK	128
Skor Kumulatif Tanggapan Tentang Program PMAK	131
Tanggapan Terhadap Pegawai Program PMAK	132
Skor Kumulatif Tanggapan Terhadap Pegawai	134
Tanggapan Terhadap Pengurusan Institusi Program PMAK	135
Rumusan	144
 VI PENGLIBATAN PESERTA DALAM PROGRAM PMAK	 145
 Penglibatan Peserta Dalam Membuat Keputusan	 149
Keahlian Dalam Organisasi Berkaitan Program PMAK	145
Kehadiran Dalam Mesyuarat Organisasi Berkaitan Program PMAK	149
Penglibatan Dalam Pemilihan AJK Organisasi Berkaitan Program PMAK	152
Penglibatan Dalam Kajian Oleh Pihak PPK	154
Penglibatan Dalam Latihan dan Kursus Anjuran PMAK	155
Penglibatan Dalam Lawatan Anjuran PMAK	156



Penglibatan Menyumbangkan Pendapat Dalam Perbincangan	157
Skor Kumulatif Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	162
Penglibatan Peserta Dalam Pelaksanaan	163
Penerimaan Projek Ekonomi Program PMAK	164
Penggunaan Masa Untuk Mengusahakan Projek Program PMAK	169
Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial dan Pembangunan Kampung	171
Sumbangan Wang dan Tenaga Sukarela Dalam Aktiviti Program PMAK	176
Skor Kumulatif Penglibatan Dalam Pelaksanaan	177
Penglibatan Peserta Dalam Berkongsi Manfaat	178
Penerimaan Kemudahan Dari Program PMAK	178
Faedah Dari Aktiviti Sosial Dan Pembangunan Kampung Serta Lawatan Program PMAK	182
Skor Kumulatif Penglibatan Dalam Berkongsi Manfaat	188
Penglibatan Peserta Dalam Penilaian	189
Kekerapan Membuat Perbincangan Dan Laporan	190
Kekerapan Membuat Lawatan Ke Projek Untuk Perbandingan	192
Skor Kumulatif Penglibatan Dalam Penilaian	193
Masalah Penglibatan Peserta Dalam Program PMAK	194
Rumusan	197
VII	
PERBEZAAN PENGLIBATAN PESERTA BERDASARKAN BEBERAPA ANGKUBAH	198
Angkubah Sosio-ekonomi dan Demografi	198
Umur	198
Jantina	199



Muka Surat

Status Perkahwinan	204
Saiz Isirumah	205
Tahap Pendidikan Formal	206
Pekerjaan Utama Peserta	207
Pengusahaan Tanah	208
Jumlah Pendapatan Bulanan	211
Pendapatan Dari Program PMAK	213
Keanggotaan Dalam Organisasi Tempatan	215
Angkubah Pengetahuan Tentang Program PMAK	217
Angkubah Tanggapan Terhadap Program PMAK	221
Angkubah Tanggapan Terhadap Pegawai Program PMAK	223
Angkubah Institusi	225
Sokongan Politik	225
Desentralisasi Kuasa	226
Pemberian Kuasa	228
Rumusan	230
VIII RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	231
Ringkasan Kajian	231
Kesimpulan	236
Implikasi Dan Cadangan	239
Cadangan Kajian Masa Hadapan	244
RUJUKAN	245
LAMPIRAN	253
VITA	270



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Latar Belakang Demografi Peserta.....	100
2	Latar Belakang Sosio-ekonomi Peserta..	103
3	Pemilikan dan Keluasan Tanah Untuk Program PMAK	109
4	Kemudahan Yang Dimiliki di Rumah	110
5	Keahlian Dalam Organisasi Tempatan ...	113
6	Pengetahuan Umum Tentang PMAK	116
7	Pengetahuan Tentang Objektif PMAK	117
8	Pengetahuan Tentang Peranan PMAK	119
9	Pengetahuan Tentang Komponen PMAK	122
10	Pengetahuan Tentang Projek Ekonomi PMAK	124
11	Skor Tahap Pengetahuan Peserta Tentang Program PMAK	125
12	Sumber Maklumat Utama Tentang Program PMAK	128
13	Tanggapan Terhadap Program PMAK	130
14	Tahap Tanggapan Peserta Terhadap Program PMAK	131
15	Tanggapan Terhadap Pegawai Program PMAK	133
16	Tahap Tanggapan Peserta Terhadap Pegawai Program PMAK	134



Muka Surat

17	Tanggapan Terhadap Sokongan Politik Kerajaan Tempatan Kepada Program PMAK	137
18	Tanggapan Peserta Tentang Desentralisasi Kuasa Program PMAK	139
19	Tahap Desentralisasi Kuasa Dalam Program PMAK	141
20	Tanggapan Pemberian Kuasa Dalam Program PMAK	142
21	Tahap Pemberian Kuasa Kepada Peserta	144
22	Keahlian Peserta Dalam Organisasi Berkaitan PMAK	147
23	Kekerapan Kehadiran Mesyuarat Organisasi Berkaitan PMAK	151
24	Penglibatan Dalam Pemilihan AJK Organisasi Berkaitan Program PMAK	153
25	Penglibatan Dalam Kajian PPK	154
26	Penglibatan Dalam Mengikuti Latihan Dan Kursus	156
27	Penglibatan Dalam Lawatan	157
28	Kekerapan Menyumbang Pendapat Dalam Mesyuarat dan Perjumpaan	159
29	Skor Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	163
30	Penerimaan Projek Ekonomi PMAK	166
31	Penggunaan Masa Untuk Mengusahakan Projek PMAK	171
32	Kekerapan Peserta Mengikuti Aktiviti Sosial Dan Pembangunan Kampung	172



Muka Surat

33	Sumbangan Wang dan Tenaga Sukarela Dalam Aktiviti Program PMAK	176
34	Skor Penglibatan Dalam Pelaksanaan Program PMAK	177
35	Penerimaan Kemudahan Oleh Peserta	180
36	Faedah Yang Diperolehi Oleh Peserta Dari Aktiviti Sosial dan Pembangunan Kampung Serta Lawatan	184
37	Skor Penglibatan Dalam Berkongsi Manfaat Dari Program PMAK	189
38	Kekerapan Membuat Perbincangan Dan Laporan (Dalam Setahun)	191
39	Kekerapan Membuat Lawatan	193
40	Skor Penglibatan Dalam Penilaian Program PMAK	194
41	Perbezaan Tahap Penglibatan Peserta Mengikut Angkubah Sosio-ekonomi Dan Demografi	201
42	Perbezaan Tahap Penglibatan Peserta Mengikut Angkubah Pengetahuan, Tanggapan Dan Institusi	219



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Konsepsual Kajian	50
2	Peta Semenanjung Malaysia Menunjukkan Kawasan-Kawasan Pelaksanaan Program PMAK	54
3	Peta Lakar Kedudukan Program PMAK di Jajahan Tanah Merah, Kelantan	56
4	Pengukuran Penglibatan Peserta Dari Segi Membuat Keputusan Dalam Program PMAK	63
5	Pengukuran Penglibatan Peserta dari Segi Pelaksanaan Dalam Program PMAK	65
6	Pengukuran Penglibatan Peserta Dari Segi Berkongsi Manfaat Dalam Program PMAK	67
7	Pengukuran Penglibatan Peserta Dari Segi Penilaian Program PMAK ...	70
8	Pengukuran Angkubah Bebas Kajian	74
9	Peta Jajahan Tanah Merah	82
10	Carta Organisasi Program PMAK Kampung Buloh	94



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

PENGLIBATAN PESERTA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BULOH, KELANTAN

Oleh

HARIS B. ABD. WAHAB

SEPTEMBER 1996

Pengerusi: Dr. Zahid Emby

Fakulti: Fakulti Ekologi Manusia

Kajian ini meneliti masalah penglibatan peserta dalam Program Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) yang dilaksanakan di Kampung Buloh, Kelantan. Penglibatan ini dianalisis dari aspek membuat keputusan, melaksanakan rancangan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti. Program PMAK di Kelantan telah dilancarkan untuk pelaksanaan pada tahun 1990. Kajian yang dilakukan di Negeri Kelantan ini juga adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dalam angkuabah yang dipilih dari segi penglibatan peserta dalam Program PMAK.

Kaedah tinjauan telah digunakan. Borang soal selidik yang telah diuji, digunakan ke atas 110



responden. Maklumat juga diperolehi melalui temubual tak formal, pemerhatian langsung dan rekod pejabat. Data dianalisis dengan komputer menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS)

Peserta Program PMAK di kawasan kajian didapati hampir seragam dari segi taraf sosio-ekonomi dan demografi. Pelaksanaan Program PMAK telah membantu meningkatkan pendapatan peserta dan penduduk kampung yang lain. Kebanyakan peserta mempunyai pengetahuan sederhana tentang Program PMAK. Begitu juga dengan tahap tanggapan peserta terhadap program dan pegawai PMAK. Pelaksanaan Program PMAK kurang mendapat sokongan dari kerajaan negeri. Tanggapan peserta terhadap desentralisasi kuasa dan pemberian kuasa kepada masyarakat tempatan dalam pelaksanaan Program PMAK adalah positif.

Tahap penglibatan peserta yang diukur dari segi empat bentuk didapati pada keseluruhannya sederhana sahaja. Tahap penglibatan yang tinggi berlaku hanya di kalangan sebilangan kecil peserta.

Peserta-peserta yang penglibatannya yang lebih aktif adalah dari kategori berikut: peserta lelaki, peserta yang mempunyai tanggapan positif terhadap program dan

pegawai PMAK, yang menganggotai pelbagai organisasi, yang menyewa tanah, yang tinggi pendapatan bulanan dan pendapatan dari Program PMAK, yang mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang Program PMAK, yang menganggap bahawa pentadbiran yang tidak berpusat dan menekankan pemindahan kuasa kepada peserta sebagai penting, juga mempunyai tahap penglibatan yang lebih tinggi. Demikian juga di kalangan mereka yang menampakkan tanggapan yang menyangkal campur tangan kerajaan.

Kesimpulannya, penglibatan peserta secara aktif adalah sangat penting bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan Program PMAK. Penglibatan peserta ini boleh ditingkatkan dengan melibatkan organisasi tempatan dengan lebih aktif lagi dalam pelaksanaan Program PMAK.



Abstract of the thesis presented to the Senate of
Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of
the requirements for the degree of Master of Science.

PARTICIPANT INVOLVEMENT IN COMMUNITY DEVELOPMENT
PROGRAMME IN KAMPUNG BULOH, KELANTAN

By

HARIS B. ABD. WAHAB

SEPTEMBER 1996

Chairman: Dr. Zahid Emby

Faculty: Faculty of Human Ecology

This study examined the problem of the involvement of participants in the Village-Based Human Development Programme (VBHD), namely, in decision-making, programme implementation, benefit sharing, and activity evaluation. The VBHD Programme was launched and implemented in 1990. The study, conducted in the state of Kelantan, also aimed at identifying the differences in the selected variables in terms of participant involvement in the VBHD Programme.

Adopting the survey method, a pre-tested interview schedule was administered to 110 respondents in the state of Kelantan. Informal interviews, direct observation



information. Data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS).

Participants of the VBHD Programme formed a homogeneous group in terms of their socio-economic and demographic attributes. Implementation of the VBHD Programme had helped to increase the participants income. Most participants achieved a medium level of knowledge of the VBHD Programme. The same was the case for participants' perception of the programme and personnel. Implementation of the VBHD Programme received little support from the state government. Participants' perception of decentralization and empowerment in the implementation of the VBHD Programme was positive.

The research revealed that participants' involvement in the VBHD Programme was generally at the medium level for all four terms of participation measured. A high level of participation prevailed only among a small proportion of the participants.

The most active participants belonged to the following categories: males, those who were members of various organizations, tenants, those with high monthly income, those with incomes from the VBHD Programme and



those with a high level of knowledge about the VBHD Programme. Participants who perceived decentralized administration and empowerment of participants as important also demonstrated a higher level of participation. The same applied in the case of participant who were against government intervention.

In conclusion, it can be said that the active involvement of participants is important in determining the effectiveness of the implementation of the VBHD Programme. Participants' involvement could be increased by getting local organizations to participate more actively in the implementation of the VBHD Programme.



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan Kepada Program Pembangunan Komuniti

Program pembangunan komuniti adalah salah satu daripada rancangan kerajaan di kebanyakan Dunia Ketiga untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Konsep pembangunan komuniti telah bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1930 an lagi. Pada waktu itu komuniti telah digalakkan melibatkan diri dalam perancangan membentuk kawasan bandar. Kerajaan British juga telah melaksanakan konsep pembangunan komuniti di negara jajahannya seperti di Afrika pada tahun 1950 dan di India pada tahun 1952 (Balandier, 1972). Pendekatan pembangunan komuniti pada zaman tersebut telah disalurkan melalui agensi sukarela seperti Near East Foundation dan Ford Foundation.

Pembangunan komuniti sebagai Proses yang mana usaha manusia dalam komuniti digabungkan dengan usaha-usaha badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial, dan kebudayaan komuniti supaya kemajuan ini nanti akan mewujudkan pembangunan negara keseluruhannya (Bangsa-Bangsa Bersatu, 1955).



Program Pembangunan Komuniti di Malaysia

Konsep pembangunan komuniti di Malaysia telah dirumuskan pada tahun 1953 selepas persidangan di Taiping. Persidangan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan negeri dan persekutuan serta jabatan-jabatan kerajaan. Rumusan persidangan ini menyatakan Pembangunan komuniti ialah satu gerakan yang dirancang untuk melahirkan kehidupan yang lebih baik bagi keseluruhan masyarakat, dengan penglibatan aktif dan daya usaha masyarakat sendiri (Report on Community Development, 1954).

Rancangan pembangunan komuniti di Malaysia terutamanya, di kawasan luar bandar dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Untuk melaksanakan tugas ini, kementerian telah menubuhkan sistem bilik gerakan dan jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kampung. Bilik gerakan dan jawatankuasa ini berfungsi untuk mengawal dan melaporkan pelaksanaan projek pembangunan yang dijalankan.

Di peringkat kampung jawatankuasa yang ditubuhkan dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Jawatankuasa ini mempunyai dua tugas penting. Pertama, menyusun semua jabatan dan agensi kerajaan supaya mencapai tujuan, dasar dan matlamat yang sama.

Kedua, sebagai penggerak dan penggalak kepada penglibatan masyarakat dalam program pembangunan luar bandar. Jawatankuasa menjalankan tugas dengan cara menanam semangat percaya kepada diri sendiri, membentuk keyakinan dan memberikan dorongan-dorongan positif kepada idea-idea kemajuan. Rancangan-rancangan pembangunan luar bandar di Malaysia adalah berdasarkan kepada program-program pembangunan yang tersusun, terkandung di dalam Buku Merah Negara (Ness, 1967).

Salah satu agensi yang bergiat cergas dalam usaha melaksanakan program pembangunan komuniti bermula pada tahun 1973 di kawasan desa Malaysia ialah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), khususnya untuk membangunkan masyarakat dari aspek sosial dan perdagangan. Kewujudan organisasi ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk membangunkan institusi berasaskan pertanian seperti Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama di luar bandar melalui suatu sistem pengurusan yang formal, sistematik dan terkawal.

Pertubuhan peladang dibentuk pada dua peringkat iaitu, di peringkat kawasan dan peringkat kebangsaan. Pertubuhan peladang di peringkat kawasan dinamakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang terdiri daripada petani-petani individu yang mendaftar sebagai anggota untuk satu PPK. Ia juga terdiri daripada persatuan-

persatuan peladang dan badan-badan koperasi yang merupakan unit-unit dalam sesebuah PPK. Fungsi utama LPP ialah untuk: (i) membantu, mendorong dan melicinkan pembangunan sosial dan ekonomi petani-petani melalui pertubuhan peladang, (ii) mendaftar, mengawal, menyelia perjalanan pertubuhan peladang, (iii) merancang pembentukan dasar-dasar dan program yang ada hubungannya dengan pembangunan petani, dan (iv) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang disebutkan di atas (Lembaga Pertubuhan Peladang, 1994)

Bagi meningkatkan lagi kehidupan masyarakat di luar bandar pihak LPP telah melancarkan satu program khas iaitu "Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK)". Program ini mula diperkenalkan oleh LPP dalam Rancangan Malaysia Keenam. LPP telah mengenal pasti 11 buah kampung di 11 buah negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak (sebuah kampung bagi setiap negeri) untuk dilaksanakan program ini. Program ini mengutamakan penduduk yang miskin untuk melibatkan diri dalam projek yang dirancang. Program PMAK ini bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Konsep Program PMAK

Program pembangunan PMAK dilaksanakan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar kerana sebilangan besar masyarakat luar bandar berada di bawah